

PM mahu penduduk luar bandar sedia terima perubahan cara hidup

UM 5 DEC 1984

KUALA SELANGOR 4 Dis. - Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini mahukan penduduk-penduduk di kawasan luar bandar bersedia menerima perubahan cara hidup sesuai dengan perubahan masa untuk kemajuan.

Serentak dengan itu, Perdana Menteri mengingatkan mereka supaya jangan mudah terpengaruh dengan puji-kutraya pihak-pihak yang ingin menggagalkan projek pembangunan kerajaan di luar bandar.

Berucap kepada lebih 5,000 orang penduduk Kampung Parit Mahang ketika merasmikan projek penyusunan masyarakat dekat sini pagi ini beliau mengingatkan sekiranya penduduk desa tidak mahu berusaha dan mengubah cara hidup, mereka akan terus kekal sebagai golongan miskin.

Gejala ini, menurut Perdana Menteri akan menyebabkan golongan berkenaan merasa iri hati kepada orang lain yang lebih kaya hasil dari usaha mereka.

Oleh itu, kata Datuk Sri Dr. Mahathir rakyat dnri segenap lapisan masyarakat perlu berusaha dan menyambut bnik rancangan kerajaan kerana kerajaan tidak mempunyai niat yang lain selain dari untuk memberi kchidupan yang selesa kepada semua.

Terdahulu dari itu, Perdana Menteri telah menghadiri satu taklimt mengenai kemajuan sektor pertanian di Negeri Selangor. Beliau kemudian dihadiahkan buah-buahan hasil tanaman penduduk tempatan.

Menurut Datuk Sri Dr. Mahathir, belinu telah diberitahu bahawa terdapat pihak-pihak yang cuba menggagalkan rancangan-rancangan kerajaan di kawasan luar bandar dengan memujuk penduduk di kawasan berkenaan supaya jangan menyertainya.

Katanya, tujuan orang-orang berkenaan adalah tidak baik dan mereka ingin menjadikan penduduk-penduduk kampung sebagai alat untuk kepentingan diri sendiri.

"Desakan orang-orang seperti ini tidak harus diberi sambutan dan rakyat mesti menentukan nasib mereka sendiri," tambah Perdana Menteri.

Perdana Menteri juga mahukan supaya perkampungan-perkampungan kecil disusun semula dan dicantum bagi mengubah wajah desa dan cara kchidupan rakyat di luar bandar.

Menurut beliau, cara sedemikian bukan sahaja memudahkan kerajaan menyulurkan kemudahan-kemudahan asas, tetapi juga menjimatkan perbelanjaan.

Beliau menambah, konsep pencantuman kampung itu akan membolehkan para penduduk di luar bandar memperoleh perkhidmatan infrastruktur yang lebih baik dan teratur.

Di samping itu, menurut Datuk Sri Dr. Mahathir kerajaan juga bercadang membangunkan perusahaan-perusahaan kecil di tempat-tempat terpcncil dengan menggunakan bahan-ba-

han yang mudah diprolchi di kawasan berkenaan umpamanya bahan-bahan pokok kelapa, pokok getah dan buluh.

Kerajaan juga, tambahnya, mempunyai agensi-agensi kajislidiknya sendiri untuk mengenalpasti perusahaan tertentu yang boleh dibangunkan di kawasan luar bandar.

Dalam pada itu Perdana Menteri juga menyarankan supaya konsep pencantuman ladang-ladang kecil dilaksanakan mengikut konsep perladangan yang dimiliki oleh syarikat-syarikat gergasi di negara ini.

Menurut beliau, melalui konsep tersebut, kerja-kerja perladangan akan dapat dilakukan dengan lebih teratur dengan menggunakan perbelanjaan kecil tetapi keupayaan yang tinggi.

Beliau memberi contoh kejayaan usaha ladang FELDA dan projek Kampung Assam Jawa di Kedah sebagai bukti kejayaan konsep seumpama.

Menurut Dntuk Sri Dr. Mahathir, melalui konsep cantuman dan pengurusan yang lebih teratur para peneroka akan memperoleh keuntungan dalam bentuk gaji sebagai pckrja dan dividen jika mereka menyertai perusahaan perladangan itu sebagai pemegang saham.